



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 14 DISEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **1,204 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah **70,597 kes** (83.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 14 Disember 2020, negara kita telah merekodkan kes harian baharu sebanyak **1,371 kes**. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak **84,846 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan**

kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 13,830 kes. Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat satu (1) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan COVID-19 dalam negara pula adalah sebanyak 1,370 kes.

Negeri Selangor masih kekal melaporkan kes harian tertinggi iaitu sebanyak **532 kes (38.8 peratus)** di mana **420 kes (78.9 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat kes positif COVID-19 yang giat dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh negeri Sabah sebanyak **283 kes (20.6 peratus)** dan Negeri Sembilan sebanyak **260 kes (19.0 peratus).**

Sebanyak **72 kes (5.3 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara yang membabitkan Kluster Tembok (48 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (22 kes), Kluster Matambai (1 kes), dan Kluster Penjara Kepayan (1 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **114 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **62 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **empat (4) kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **419 kes (0.49 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital/ Tempat Kematian	Latar Belakang
416	52589	W.P. Labuan	Perempuan (WN)	40	Hospital Labuan	Penyakit kencing manis
417	67912	Perak	Perempuan (WN)	50	Jenazah dibawa ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
418	80659	Sabah	Perempuan (WN)	46	Hospital Tawau	Penyakit darah tinggi, dislipidemia dan obesiti
419	43969	Sabah	Lelaki	54	Hospital Queen	-

			(BWN)		Elizabeth, Kota Kinabalu	
--	--	--	-------	--	--------------------------------	--

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Sehingga 14 Disember 2020, terdapat sebanyak **418 kluster** telah dilaporkan termasuk **dua (2) kluster** baharu yang dilaporkan pada hari ini. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **227 kluster** termasuk **dua (2) kluster** yang tamat pada hari ini iaitu Kluster Benteng LD di Sabah dan Kluster Greenhill di Sarawak. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **191 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **46 kluster** melaporkan pertambahan kes pada hari ini. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah **Kluster Ceram (220 kes), Kluster Tapak Bina Muda (143 kes) dan Kluster Teratai (81 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **dua (2) kluster** baharu yang melibatkan tempat kerja telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. **KLUSTER SOLAR RIA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Sepang, Kuala Selangor, Gombak, Petaling dan Hulu Langat di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-73366) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 7 Disember 2020 melalui saringan sebelum pulang ke negara asal. Sehingga 14 Disember 2020, sejumlah 2,339 individu telah disaring, di mana **25 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini. Kluster ini melibatkan sembilan (9) warganegara dan 16 bukan warganegara.

2. **KLUSTER SENU SETIA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kepong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-83123) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 13 Disember 2020 melalui saringan sebelum pulang ke negara asal. Sehingga 14 Disember 2020, sejumlah 26 individu telah disaring, di mana **13 kes** telah dikesan positif

COVID-19. Kesemua kes dalam kluster ini merupakan bukan warganegara.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

14 Disember 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 14 DISEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	283	33,111
SELANGOR	532 (1)	21,579
W.P. KUALA LUMPUR	124	8,201
NEGERI SEMBILAN	260	6,524
KEDAH	5	2,827
PULAU PINANG	31	2,680
JOHOR	45	2,615
PERAK	62	2,524
W.P. LABUAN	16	1,446
SARAWAK	0	1,075
PAHANG	0	830
KELANTAN	2	468
MELAKA	1	434
TERENGGANU	9	271
W.P. PUTRAJAYA	1	216
PERLIS	0	45
JUMLAH KESELURUHAN	1,371 (1)	84,846

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 1,371 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 14 Disember 2020 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 532 kes**

- 311 kes daripada kluster-kluster, termasuk lapan (8) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Solar Ria**;
- 109 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- 111 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 283 kes**

- 65 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 155 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 63 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 260 kes**

- 252 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 124 kes**
 - 76 kes daripada kluster-kluster, termasuk lima (5) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Senu Setia**;
 - 15 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 33 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 62 kes**
 - 58 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 45 kes**
 - 17 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 18 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 10 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 31 kes**
 - Tiga (3) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 19 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Sembilan (9) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan:16 kes**
 - Lapan (8) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: Sembilan (9) kes** daripada kluster sedia ada
- **Kedah: Lima (5) kes**
 - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: Dua (2) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Melaka: Satu (1) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.